

Headline	REHDA dakwa PKP punca jualan merosot		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	36	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	145 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,454
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,362



REHDA dakwa PKP punca jualan merosot

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu menjadi punca kediaman siap dibina tidak terjual meningkat pada separuh pertama 2020 (H1 2020) berbanding separuh kedua tahun lalu.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Soam Heng

Choon, berkata pelaksanaan PKP itu menyebabkan pemaju tidak dapat melakukan sebarang aktiviti jualan dalam tempoh lebih dua bulan.

Katanya, ia menyebabkan prestasi jualan pada H1 2020 jatuh, sebaliknya gus menyumbang kepada pertambahan jumlah kediaman siap dibina tidak terjual.

"Kita menjangkakan jualan hartanah kediaman baharu pada separuh kedua tahun ini akan kembali meningkat dan pulih seperti sedia kala, sekali gus mengurangkan jumlah kediaman siap dibina tidak terjual," katanya kepada BH, ketika dihubungi di sini, semalam.

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) semalam dalam

laporan Pasaran Harta Tanah Separuh Pertama 2020 (H1 2020) mendedahkan unit kediaman siap dibina tidak terjual bagi H1 2020 meningkat kepada 31,661 unit bernilai RM20.03 bilion berbanding 30,664 unit (RM18.82 bilion) pada H2 2019.

Dalam tempoh dikaji, jumlah keseluruhan unit kediaman siap

dibina tidak terjual termasuk apartmen servis pada H1 2020 ialah 53,344 unit bernilai RM38.67 bilion.

Mengulas lanjut Heng Choon berkata, tidak timbul soal kegalauan kempen pemilikan rumah (HOC) dalam menangani lebihan rumah tidak terjual kerana ia bukan penyebab masalah berkenaan.